

**Soalan No :44**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]

**TARIKH :** 13.11.2014

**SOALAN :**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mengenai cadangan pelaksanaan Sekolah Menengah Kg. Paris, Kinabatangan; dan
- (b) cadangan menaiktaraf Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kg. Sukau, Kinabatangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SMK Paris, Kinabatangan telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama, RMKe-10 untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, projek ini telah lewat dimulakan berikutan isu tanah yang masih belum selesai ketika itu. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini dalam proses melantik perunding (juru ukur tanah).

- (b) Bagi pembinaan sekolah baharu SMK Sukau pula, KPM belum pernah menerima sebarang permohonan berkaitan perkara tersebut. Kementerian akan meneliti dengan lebih lanjut akan perkara ini dan sekiranya terdapat justifikasi kukuh, cadangan pembinaannya akan disenaraikan dalam permohonan RMKe-11 mengikut keutamaan.

RJM110